



# KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

No. 13 Persiaran Perdana, Presint 2,  
62623 Putrajaya

No. Telefon : 03-8882 5562  
No. Fax : 03-8882 5569

## INISIATIF KERJASAMA DI ANTARA KPDN DAN PERSATUAN FRANCAIS MALAYSIA DALAM MEMBANGUNKAN INDUSTRI FRANCAIS

**KUALA LUMPUR, 26 OKTOBER 2023 –** Hari ini saya telah mengadakan satu sesi pertemuan bersama pihak **Persatuan Francais Malaysia (MFA)** untuk mendapatkan pandangan dan maklum balas berkaitan industri francais di Malaysia yang diadakan di Parlimen, Malaysia. Selain itu, hasil pertemuan ini juga dapat memberi input yang lebih mampan kepada pihak kementerian dalam usaha untuk memuktamadkan dasar francais negara di bawah peranan **Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN)**.

2. **KPDN** berfungsi dan berperanan mengawal selia industri francais melalui **Akta Francais 1998 [Akta 590]**. Kerjasama yang kukuh ini sekaligus mampu menguatkan lagi hubungan bersama Persatuan Francais iaitu Persatuan Francais Malaysia (MFA) dalam membangunkan industri francais.
3. Usaha dan kerjasama ini, antara lain dapat memantapkan lagi industri francais. Seterusnya, hasil usaha **KPDN** mengembangkan lagi industri francais yang merupakan industri tumpuan di bawah Sektor Perdagangan Dalam Negeri berjaya meningkatkan nilai jualan industri francais yang mencatatkan peningkatan nilai jualan sebanyak 105.48% iaitu RM30 bilion pada tahun 2021 berbanding RM14.6 bilion pada tahun 2020.

4. Hasil pengukuhan industri francais di peringkat domestik, **KPDN** telah berjaya mengembangkan industri ini ke peringkat antarabangsa dengan penembusan lebih daripada **70 jenama francais tempatan di 80 buah negara**. Pada masa yang sama, usahawan-usahawan tempatan yang mempunyai perniagaan dapat berkembang ke peringkat yang lebih besar menerusi sistem perniagaan francais yang teratur dan sistematik. Dalam hal ini, **Akta Francais 1998 [Akta 590]** di bawah **KPDN** dikuatkuasakan untuk memastikan dan menggalakkan perkembangan amalan perdagangan secara sihat di kalangan industri francais selaras dengan inisiatif **KPDN** dalam peringkat akhir membangunkan **Dasar Francais Negara 2030 (DFN 2030)**.

5. Industri francais di Malaysia sedang berkembang secara dinamik. Industri ini terdiri daripada gabungan pelbagai francais tempatan dan antarabangsa yang menawarkan rangkaian produk dan perkhidmatan yang luas. Perkembangan mapan industri francais di Malaysia sejak beberapa tahun kebelakangan ini telah didorong oleh faktor-faktor seperti persekitaran perniagaan yang kondusif dan menggalakkan termasuklah sokongan Kerajaan terhadap industri tersebut melalui pelbagai inisiatif dan insentif.

**YB DATUK ARMIZAN BIN MOHD ALI,  
PEMANGKU MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP,  
KUALA LUMPUR, 26 OKTOBER 2023.**

###

## LATAR BELAKANG

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) telah ditubuhkan pada 27 Oktober 1990. Matlamat penubuhan Kementerian adalah untuk menggalakkan pembangunan perdagangan dalam Negeri yang berdaya maju, berdaya saing, dan berdaya mampan, khususnya di dalam sektor perdagangan pengedaran.

Sektor perdagangan pengedaran adalah antara penyumbang utama KDNK negara dan ia bertindak sebagai benteng kestabilan ekonomi, terutama semasa situasi ekonomi luaran berada di dalam keadaan ketidaktentuan.

Perdagangan pengedaran perlu kukuh bagi menampung sebarang ketidakstabilan dalam ekonomi negara. Dalam masa yang sama, Kementerian juga komited dalam melindungi kepentingan dan hak-hak pengguna.

Agensi di bawah KPDN:

